

## SOALAN LAZIM KEMPEN CANGGIH LAH SIMPAN DI SSPN

1. **Soalan:**  
Apakah “Kempen Canggih Lah Simpan di SSPN”?

**Jawapan:**

Kempen **Canggih Lah Simpan di SSPN** adalah kempen untuk menggalakkan rakyat Malaysia menabung di SSPN bagi tujuan pendidikan tinggi di samping menerima baucar diskaun digital (e-baucar) untuk pembelian secara dalam talian di laman sesawang <https://schoolmall.com.my>. Kempen ini adalah kerjasama yang dijalankan bersama My-Sutera Sdn Bhd dalam membantu usaha PTPTN ini.

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh Kempen Canggih Lah Simpan di SSPN ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen ini bermula pada **1 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2020**.

3. **Soalan:**  
Apakah terma dan syarat untuk menyertai kempen ini?

**Jawapan:**

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada **pendeposit SSPN**;
- ii. Pendeposit perlu **membuka akaun SSPN dan / atau** membuat **penambahan simpanan SSPN** dalam tempoh kempen;
- iii. Bagi akaun SSPN-i Plus, jumlah simpanan akan dikira mengikut pakej (Simpanan + Takaful);
- iv. Pendeposit akan menerima e-baucar melalui emel atau boleh menyemak di penyata dalam talian SSPN dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** daripada tarikh penerimaan deposit di PTPTN;
- v. Pendeposit hanya boleh menebus e-baucar bagi pembelian secara dalam talian di laman sesawang Canggih, <https://schoolmall.com.my> dengan memasukkan nombor e-baucar yang diberi;
- vi. Tempoh sah laku e-baucar yang diterima adalah dari **1 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021**.
- vii. Kadar diskaun yang diberikan tidak termasuk caj penghantaran dan pertukaran barang hanya boleh dibuat atas sebab kerosakan semasa penerimaan sahaja. Aduan boleh disalurkan melalui [info@canggih.com.my](mailto:info@canggih.com.my).

4. **Soalan:**  
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Kempen Canggih Lah Simpan di SSPN ini?

**Jawapan:**  
Tidak perlu kerana kelayakan Kempen Canggih La Simpan di SSPN ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

5. **Soalan:**  
Bilakah e-baucar tersebut akan diterima dan bagaimanakah cara penebusan?

**Jawapan:**  
Nombor e-baucar akan diterima melalui emel atau boleh menyemak di penyata dalam talian SSPN dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh terimaan deposit di PTPTN. Pendeposit hanya boleh menebus e-baucar bagi pembelian secara dalam talian di laman sesawang Canggih, <https://schoolmall.com.my> dengan memasukkan nombor e-baucar yang diberi sebelum membuat pembayaran.

6. **Soalan:**  
Berapakah amaun yang perlu saya depositkan untuk memperoleh e-baucar Canggih?

**Jawapan:**  
Simpanan minimum RM500 perlu dibuat di dalam tempoh kempen bagi melayakkan untuk menerima e-baucar Canggih.

7. **Soalan:**  
Kenapakah tiada e-baucar dipaparkan di dalam penyata saya yang bertarikh 5hb Disember atas simpanan yang telah dibuat pada 2hb Disember?

**Jawapan:**  
Nombor e-baucar akan dipaparkan pada 8hb bagi simpanan yang telah dibuat pada 1hb hingga 5hb bagi memberi laluan kepada proses penutupan akaun bulanan.

8. **Soalan:**  
Berapakah kadar diskaun yang ditawarkan kepada pendeposit yang layak?

**Jawapan:**

Kadar diskaun adalah bergantung kepada jumlah simpanan yang dilakukan dalam tempoh kempen sepertimana berikut:

JUMLAH SIMPANAN	KADAR DISKAUN
RM500.00 sehingga RM1,000.00	25%
Melebihi RM1,000.00 sehingga RM3,000.00	30%
Melebihi RM3,000.00	35%

9. **Soalan:** Adakah kadar diskaun yang diberi termasuk caj penghantaran?

**Jawapan:**

Tidak. Kadar diskaun yang diberikan hanyalah ke atas jumlah pembelian barangan sahaja manakala kos penghantaran perlu ditanggung sepenuhnya oleh pendeposit.

10. Bolehkah saya menggunakan e-baucar ini di *outlet* Canggih yang berdekatan?

**Jawapan:**

Tidak boleh. E-baucar ini hanya boleh digunakan untuk pembelian secara dalam talian di laman sesawang Canggih sahaja (<https://schoolmall.com.my>).

11. Adakah e-baucar ini boleh ditebus untuk pembelian semua barangan di dalam laman sesawang <https://schoolmall.com.my>?

**Jawapan:**

E-baucar ini hanya boleh ditebus bagi pembelian **barangan berjenama Canggih** sahaja.

12. **Soalan:**  
Bolehkah saya menggunakan resit yang berbeza untuk e-baucar?

**Jawapan:**

Boleh. Pemberian diskaun akan dikira berdasarkan jumlah transaksi deposit terkumpul pada tarikh terimaan deposit yang sama di PTPTN.

13. **Soalan:**  
Bolehkah saya mengumpulkan semua transaksi deposit saya sepanjang tempoh promosi bagi mendapatkan kadar diskaun e-baucar yang tinggi?
- Jawapan:**  
Tidak boleh. Kadar diskaun bagi e-baucar hanya akan dikira berdasarkan jumlah transaksi deposit terkumpul pada tarikh terimaan deposit yang sama di PTPTN sahaja dan tidak boleh dikumpul semua transaksi sepanjang tempoh promosi bagi tujuan melayakkan baucar diskaun atau mendapatkan kadar diskaun yang tinggi.
14. **Soalan:**  
Adakah pendeposit layak menerima e-baucar sekiranya penambahan deposit dibuat melalui pelbagai saluran?
- Jawapan:**  
Ya, layak. Jumlah deposit akan dikira berdasarkan transaksi deposit terkumpul pada tarikh terimaan deposit yang sama di PTPTN dan minimum simpanan adalah RM500.00.
15. **Soalan:**  
Sekiranya dua (2) pendeposit membuat penambahan simpanan ke atas penerima manfaat yang sama dan jumlah transaksi adalah mencapai minimum RM500.00, adakah e-baucar layak diterima melalui akaun tersebut?
- Jawapan:**  
Tidak layak. Jumlah transaksi terkumpul adalah dikira berdasarkan akaun di bawah pendeposit yang sama sahaja.
16. **Soalan:**  
Pendeposit telah membuat penambahan pada 30 November 2020 dan hanya dikemaskini di penyata dalam talian SSPN pada 02 Disember 2020. Adakah pendeposit layak menerima e-baucar?
- Jawapan:**  
Layak. Penambahan deposit mestilah dilakukan dalam tempoh kempen iaitu 01 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2020. Penentuan kelayakan adalah berdasarkan tarikh terimaan deposit di PTPTN, bukan pada tarikh transaksi deposit.
17. **Soalan:**  
Sekiranya pendeposit membuat pembukaan akaun SSPN-I Plus dengan Pakej Berlian bernilai RM500, adakah beliau layak untuk menuntut e-baucar?
- Jawapan:**  
Layak. Pengiraan adalah berdasarkan jumlah simpanan dan takaful.

18. **Soalan:**  
Pendeposit telah membuat penambahan RM300 melalui kaunter bank pada 05 Disember 2020 dan menerima RM1,000 atas hadiah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang juga dikemaskini di penyata dalam talian SSPN pada tarikh yang sama. Adakah beliau layak untuk menerima e-baucar ini?

**Jawapan:**

Layak. Penentuan kelayakan mengambil kira deposit berbentuk sumbangan, csr atau hadiah.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Kempen Canggih Lah Simpan di SSPN*

**Maklumat dikemas kini pada 9 Disember 2020**